

13 FEB 1998

Anugerah

RAJA PERLIS SAMPAIKAN ANUGERAH CEMERLANG YTSP

KANGAR, 13 Feb (Bernama) -- Raja Perlis hari ini menyampaikan anugerah cemerlang Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) kepada lapan pelajar cemerlang pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di Istana Arau dekat sini hari ini.

Mereka yang kini telah melanjutkan pelajaran ke beberapa pusat pengajian tinggi di dalam dan luar negara itu menerima watiwah pengiktirafan serta wang tunai RM1,000.

Sebanyak enam penerima adalah pelajar cemerlang bagi peperiksaan SPM 1995 manakala dua lagi cemerlang pada peperiksaan tahun 1996.

Raja Perlis turut menyampaikan sumbangan biasiswa kecil yayasan itu kepada 44 pelajar sekolah rendah yang cemerlang dalam bidang pendidikan. Setiap pelajar akan menerima biasiswa sebanyak RM25 sebulan.

Raja Muda Perlis selaku Pengerusi YTSP berkata, sehingga akhir tahun lepas sebanyak RM160,975 telah dikeluarkan sebagai biasiswa kecil kepada 279 pelajar sekolah rendah.

Yayasan juga mengeluarkan bantuan kecemasan pelajaran berjumlah RM148,830 bagi membiayai perbelanjaan sebanyak 425 pelajar yang berjaya melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi.

Menurut Raja Muda, yayasan itu juga sedang berusaha memantapkan kedudukan kewangannya bagi membolehkan lebih banyak kegiatan amal dilaksanakan untuk kepentingan rakyat.

Pada awal tahun lepas, yayasan itu menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Diraja kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anugerah tertinggi itu dikeluarkan kepada Dr Mahathir kerana kebijaksanaan Perdana Menteri memimpin negara.

Raja Perempuan Perlis turut berangkat ke majlis itu manakala yang hadir sama ialah Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim. -- BERNAMA

AD NMO